



---

**Pekeling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 2/2009**

**Penerimaan Pelan Pra-Pengiraan (*Pre-Computation Plan*)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2010

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

## **Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan Bilangan 2/2009
Disediakan oleh	Seksyen Kajian Penyelidikan dan Pembangunan, Bahagian Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 4, Blok Menara, Wisma Sumber Asli, Presint 4, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Kuala Lumpur
Telefon	03-88712668
Faks	03-88810802
E-mel	skpp@kptg.gov.my
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	1 Januari 2010

## Kawalan Versi Dokumen

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan**  
**Bilangan 2/2009**

**Penerimaan Pelan Pra-Pengiraan (*Pre-Computation Plan*)**

**Tujuan**

Pekeliling ini dikeluarkan bertujuan menasihatkan Pengarah-pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Pentadbir-pentadbir Tanah mengenai pihak yang dibenarkan menyedia pelan pra-pengiraan (*pre-computation plan*) bagi urusan-urusan yang berkaitan dengan pembangunan tanah iaitu permohonan pecah sempadan tanah (seksyen 137 Kanun Tanah Negara (KTN)), tukar syarat dan pecah sempadan serentak (seksyen 124A KTN), dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula (seksyen 204D KTN) selaras dengan pindaan kepada KTN melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2008 [Akta A1333] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2009.

**Latar Belakang**

2. Takrif pelan pra-pengiraan (*pre-computation plan*) telah dimasukkan di dalam seksyen 5 KTN melalui pindaan Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 1992 [Akta A832] yang berkuat kuasa pada 1 Januari 1993, tanpa menetapkan pihak mana yang dibenarkan untuk menyediakan pelan tersebut seperti dikehendaki bagi tujuan dilampirkan bersama permohonan urusan pecah sempadan tanah di bawah seksyen 137 KTN), tukar syarat dan pecah sempadan serentak (seksyen 124A KTN) dan penyerahan balik dan pemberimilikan semula di bawah seksyen 204D(1)(c) KTN.

**Pelan Yang Diterima**

3. Selaras dengan pindaan kepada KTN melalui Akta A1333 (selepas ini dirujuk sebagai "Akta ini"), takrif pelan pra-pengiraan (*pre-computation plan*) di dalam seksyen 5 KTN adalah seperti berikut:

' "pre-computation plan" means a plan of the layout of lots prepared by Director of Survey and Mapping or licensed land surveyor showing the intended new boundaries and areas of those lots which are based on computation from existing survey data and other relevant data, where the linear misclosure of the computation is not less than one part in four thousand;'

4. Takrif baru ini menetapkan pelan pra-pengiraan hendaklah disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Juruukur Tanah Berlesen sahaja. Oleh yang demikian semua pelan pra-pengiraan (*pre-computation plan*) yang dikehendaki dilampirkan bersama-sama permohonan pecah sempadan (Borang 9A), permohonan tukar syarat dan pecah sempadan serentak (Borang 7D) dan permohonan penyerahan balik dan pemberimilikan semula (Borang 12D) KTN yang boleh diterima untuk urusan pembangunan tanah tersebut hendaklah yang disediakan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan atau Juruukur Tanah Berlesen sahaja.

**Pemakaian**

5. Semua pelan pra-pengiraan yang telah dikemukakan dan diterima oleh Pentadbir Tanah sebelum tarikh kuat kuasa Akta ini adalah terpakai dan hendaklah diteruskan penggunaannya sesuai dengan keperluan yang dipohon oleh tuan tanah atau pemohon.

6. Manakala pelan-pelan pra-pengiraan yang diterima oleh Pentadbir Tanah pada atau selepas 1 Januari 2009 adalah tertakluk kepada kuat kuasa Akta ini.

7. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil. 1/1994 – Pelan Pra-Pengiraan (*Pre-Computation Plan*) (Disemak 2007).

### **Tarikh Kuat Kuasa**

8. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan Jabatan Peguam Negara, mula berkuat kuasa dari tarikh kuat kuasa pemakaian Akta A1333.



**(DATO' ABD HALIM BIN AIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail: JKPTG(S)/101/KPU/SP&P/1032-3 Jld. 6  
Tarikh: 1 Jun 2009